

TIGER BALM® NECK & SHOULDER RUB

Camphor/ Menthol/ Dementholised Mint Oil (11% w/w / 10% w/w / 6% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub*
2. Bagaimana *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub*
4. Cara menggunakan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub*
5. Semasa menggunakan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub*
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub*

Untuk kelegaan sementara sakit kecil dan sakit otot pada bahagian leher dan bahu.

Bagaimana *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub* berfungsi

Mempunyai kesan dingin kepanasan yang ringan, dan kesan analgesik. Apabila diurut perlahan-lahan pada kulit, kesan sejuk dirasakan pada mulanya diikuti dengan rasa hangat. Rasa hangat ini boleh bertahan sehingga beberapa jam.

Sebelum menggunakan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub*

-Bila tidak boleh menggunakannya

Individu yang diketahui atau disyaki tidak toleransi terhadap mana-mana bahan ubat itu.

-Sebelum mula menggunakannya

Ia boleh menyebabkan tindak balas alergi kepada sesetengah individu yang mempunyai kulit sensitif. Sebelum menggunakannya, cuba pada permukaan kulit yang lebih kecil terlebih dahulu.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Tidak berkaitan. Untuk kegunaan luaran sahaja, bukan ubat untuk dimakan.

Cara menggunakan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub*

-Berapa banyak harus digunakan

Gunakan hanya secukupnya dan sapu pada bahagian yang terjejas.

-Bila perlu digunakan

Gunakan apabila mengalami sakit kecil dan kesakitan otot pada bahagian leher dan bahu.

-Berapa lama perlu digunakan

Disyorkan untuk menggunakan 2 hingga 4 kali sehari.

-Jika terlupa menggunakan

Sila rujuk dengan doktor tentang apa yang anda perlu lakukan jika terlupa menggunakannya. Anda mungkin akan terus mengalami gejala ketidakselesaan yang disenaraikan.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau sesiapa yang mungkin menggunakan ubat ini secara berlebihan atau pengambilan berlebihan secara tidak sengaja berlaku, sila rujuk dengan doktor secepat mungkin, atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat. Lakukan demikian walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin perlukan rawatan.

Semasa menggunakan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub*

-Perkara yang perlu dilakukan

Sapukan pada bahagian yang sakit perlahan-lahan sehingga diserap sepenuhnya. Wanita mengandung dan wanita yang menyusukan anak hendaklah berunding dengan doktor sebelum menggunakannya.

-Perkara yang tidak boleh lakukan

- Jangan sapu *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub* pada luka terbuka atau pada kulit yang mengalami iritasi.
- Jangan dibalut dengan ketat.
- Camphor boleh menyebabkan sawan. Jangan gunakan pada kanak-kanak bawah umur 2 tahun.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Individu yang diketahui atau disyaki tidak toleransi terhadap kesan rubefacient hendaklah berhati-hati menggunakan ubat ini.
- Langkah berhati – hati perlu diambil semasa merawat kanak-kanak 2 tahun keatas.
- Elakkan sentuhan secara langsung dengan mata, selaput lender atau luka.
- Berhenti menggunakannya jika berlaku iritasi yang teruk pada kulit.
- Untuk kegunaan luaran sahaja. Jauhi daripada kanak-kanak.

Kesan- kesan Sampingan

Boleh menyebabkan tindakbalas alergi bagi sesetengah individu yang mempunyai kulit sensitif. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau laman web <http://www.npra.moh.gov.my> (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub*

-Penyimpanan

Ia adalah disyorkan untuk menyimpan *Tiger Balm Neck & Shoulder Rub* pada suhu bilik tidak melebihi 30°C. Guna dalam jangka masa 3 tahun dari tarikh pembuatan.

-Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan ke saluran air. Minta nasihat ahli farmasi anda mengenai cara pelupusan jika ubat tidak digunakan lagi.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Krim putih dengan warna biru dan mempunyai ciri bau.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Camphor, Menthol, Dementholised Mint Oil.

Bahan tidak aktif:

Eucalyptus Oil, Glycerine, Methyl Glucose Dioleate, Fragrance, Poly (Methyl Vinyl Ester/ Maleic Anhydride) Decadiene Crosspolymer, Triethanolamine, Germaben II, Colouring Agent, Purified Water

-NomborMAL

1. MAL07122812X
2. MAL12035012XCS

Pengilang

1. Tiger Balm (M) Sdn.Bhd,
PLO 95, No. 6, Jalan Firma 1/1,
Tebrau Industrial Estate,
81100 Johor Bahru, Malaysia.
2. OLIC (Thailand) Limited 166 MOO
16, Bangpa- In Industrial Estate,
Udomsoraryuth Road, Bangkrason
Sub-District,
Bangpa- In District,
Ayudhaya Province, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

Tiger Balm (M) Sdn.Bhd.,
PLO 95, No. 6, Jalan Firma 1/1,
Tebrau Industrial Estate,
81100 Johor Bahru, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

11/04/2018

Nombor siri

NPRA (R4/1) 060218/00037